

Dua lelaki disyaki curi kabel ditangkap

MIRI: Dua lelaki tempatan yang disyaki terlibat kegiatan mencuri kabel berjaya ditangkap polis pada Isnin.

Ketua Polis Daerah Miri ACP Mohd Farhan Lee Abdullah berkata, tangkapan ke atas kedua-dua suspek dibuat berikutan satu laporan polis yang diterima berhubung kejadian kecurian

kabel di Jalan Tudan di sini.

“Bertindak atas maklumat yang diterima, sepasukan pegawai serta anggota dari Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Miri bersama anggota Balai Polis Lutong dengan kerjasama Polis Bantuan Sarawak Energy Berhad telah berjaya menahan kedua-dua

suspek.

“Hasil tangkapan tersebut membawakepada rampasan beberapa peralatan yang dipercayai digunakan untuk memotong kabel serta sejumlah kabel pelbagai jenis milik Sarawak Energy Berhad (SEB) yang dipercayai diperolehi melalui kegiatan jenayah berkenaan,” katanya.